

Perbualan/Dialog Faedah Menjaga Kebersihan Kelas

Afiq dan Najwa merupakan murid kelas 4 Inovatif yang sedang membincangkan faedah menjaga kebersihan kelas.

Arahan: Murid perlu mengedit kata ganti nama diri yang terdapat dalam teks dialog di bawah.

Afiq	:	Assalammualaikum, boleh kita bercakap dengan Najwa?
Najwa	:	Waalaikummussalam. Ya, Najwa bercakap di sini.
Afiq	:	Saya ingin bertanya soalan kepada awak. Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan kelas?
Najwa	:	Afiq, kita sebagai murid-murid banyak menghabiskan masa di dalam bilik darjah untuk menuntut ilmu. Oleh itu, bilik darjah mestilah selalu bersih dan ceria.
Afiq	:	Kalau begitu, tentulah banyak faedah yang patik akan dapat jika menjaga kebersihan kelas.
Najwa	:	Memang betul. Kelas mestilah kelihatan bersih, kemas dan cantik. Terdapat banyak cara untuk menjaga kelas kita. Salah satu cara ialah dia tidak boleh mengumpul sampah di bawah meja tetapi kita perlu membuang sampah ke dalam tong sampah.
Afiq	:	Saya sokong pendapat mereka, Najwa. Di samping itu, kita boleh memupuk nilai murni dalam diri seperti bertanggungjawab, berdisiplin dan rajin untuk membersihkan kelas.
Najwa	:	Selain itu, kita dapat belajar dalam keadaan selesa kerana kelas bersih dan cantik.
Afiq	:	Sehubungan itu, kita juga boleh memenangi pertandingan kelas terbersih. Kita akan mendapat pujian daripada guru-guru dan menjadi kelas contoh kepada kelas-kelas lain.
Najwa	:	Kesimpulannya, faedah menjaga kebersihan kelas memang perlu diamalkan seperti yang dibincangkan. Marilah esok kita sama-sama mengemaskan kelas.
Afiq	:	Hadif, Siti, dan Rajiv akan datang juga esok. Mereka juga bersemangat untuk mengemas kelas bersama-sama.
Najwa	:	Wah, saya tidak sabar untuk bertemu dengan aku!
Afiq	:	Baiklah Najwa, kita jumpa esok! Terima kasih.

Najwa	:	Sama-sama Afiq.
-------	---	-----------------